

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH / HARI : 25 OGOS 2017 (JUMAAT)

Kayuhan santai semarak sambutan kemerdekaan

S. J. S. S. S.
25/8/17

SHAH ALAM - Seramai 300 peserta membabitkan komuniti Shah Alam serta ahli kelab basikal menyertai Program Kayuhan Santai sempena Kempen Kibarkan Jalur Gemilang peringkat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) 2017.

Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, program itu turut mendapat kerjasama beberapa agensi antaranya *Hikers Climbers*, polis dan Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana.

"Peserta akan berkayuh sejauh 23 kilometer bagi menyerahkan bendera jalur gemilang di beberapa perhentian iaitu sekolah, di sekitar Shah Alam.

"Antara sekolah terbabit adalah Sekolah Rendah Kebangsaan Seksyen 2 dan 20, Sekolah Menengah Seksyen 2 dan 16 serta Sekolah

Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Midlands, di Seksyen 7, di sini.

"Kita juga memberikan 200 *t-shirt* percuma kepada 200 peserta terawal mendaftar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Kayuhan Santai dan Pemasangan Bendera Jalur Gemilang di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, pada 16 Ogos lalu.

Pada masa sama, Zaharin turut memasang bendera jalur gemilang di 40 kenderaan milik MBSA antaranya kereta peronda, kenderaan pacuan empat roda, lori kompaktor, lori *open tipper*, lori *tail* serta van jenazah.

Beliau berkata, program itu bertujuan menyemarakkan lagi semangat patriotik dan cintakan negara dalam kalangan kakitangan MBSA serta orang ramai.



Ahmad Zaharin bersalaman bersama peserta kayuhan santai, di Dataran Shah Alam